

ROBOT UniMAP GAH BERAKSI

UKM Bangi, 29 Mei 2007 : UniMAP telah menghantar sebanyak tiga pasukan dalam acara tahunan Pertandingan Robocon 2007. Pertandingan antara IPTA dan IPTS ini julung kalinya telah diadakan di DECTAR Universiti Kebangsaan Malaysia bermula 27 - 29 Mei 2007.

ROBOCON merupakan pertandingan anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan SIRIM Berhad. Matlamat pertandingan ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada mahasiswa-mahasiswa IPT untuk memperkembangkan potensi masing-masing dalam bidang robotik.


Upacara perasmian pertandingan tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Mustapa Mohamed. Sebanyak 58 pasukan daripada IPT dan Politeknik telah menyertai pertandingan ini. Juara Robocon akan mewakili Malaysia ke Pertandingan Robocon peringkat Asia yang akan berlangsung di Hanoi, Vietnam pada 24 hingga 29 Ogos 2007.



Oleh Ismiza Noris Ismail

Bagi UniMAP C pula terdiri daripada PPK Sistem Elektrik dan Pusat Kejuruteraan yang diketuai oleh Prof. Madya Abdul Rahman Mohd Saad dan instruktornya Mahamad Akmal Saad. Para pelajar yang terlibat pula terdiri daripada Norjasmi Abd. Rahman, Sayed Mohd Fadzli Sayed Yusoff dan Mohd Fairoz Abu Bakar.

Pada peringkat saringan pertama, UniMAP C telah menang sebanyak 4 perlawanan sebelum ke peringkat suku akhir menewaskan KOGAS Pusat Latihan Teknologi Tinggi Kulim, UIA, UMP & UKM. Setelah menewaskan pasukan daripada MMU 2 dalam saringan kedua, UniMAP C telah layak ke peringkat suku akhir bertemu dengan pasukan UMS A. Namun begitu, pasukan UniMAP tewas juga akhirnya walaupun gah beraksi dalam peringkat suku akhir tersebut. Namun begitu, nama UniMAP tetap hebat di dalam bidang robotik dan merupakan lapan yang terbaik daripada 58 pasukan yang telah mengambil bahagian. Pertandingan Robocon kali ini telah berpihak kepada pasukan daripada UTM A sebagai juara setelah menewaskan pasukan sendiri iaitu UTM B dan seterusnya layak untuk mewakili Malaysia ke Pertandingan Robocon peringkat Asia di Hanoi, Vietnam. Walaubagaimanapun pasukan UniMAP tidak akan menyerah kalah dan bertekad akan terus berusaha untuk meraih kemenangan pada tahun hadapan. SYABAS UniMAP!



UniMAP telah diwakili oleh 3 pasukan iaitu UniMAP A, UniMAP B dan UniMAP C. UniMAP A terdiri daripada PPK Bahan yang diketuai oleh Muhammad Asri Idris dan instruktornya iaitu Ahmad Hadzrul Iqwan Jalaluddin. Pelajar-pelajar yang terlibat ialah Mohammad Faiz Baharum, Mohd Redzwan Rosli dan Erdy Sulino Mohd Muslim Tan. UniMAP A telah berjaya menewaskan pasukan daripada UM A dan MMU C. Namun begitu tewas di tangan ADTEC Shah Alam dan CIAST Shah Alam.

UniMAP B pula terdiri daripada gabungan PPK Mekatronik dan Mikroelektronik yang diketuai oleh Norasmadi Abdul Rahim dan Razaidi Hussin sebagai Instruktur manakala pelajar-pelajar terdiri daripada Mohd Redzwan Sakaki, Mohd Norisman Hussin dan Shahrom Nurizam Romli.

UniMAP B hanya berjaya di peringkat saringan dan gagal untuk ke pusingan seterusnya setelah tewas dengan pasukan daripada KOGAS dan UNITEN dan menang dengan pasukan UMS.

